

Newspaper

Berita Harian

Date

11 February 2016

Fokus untuk rakyat, bukan protokol: Najib

BH- 11/2/2016

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak menegaskan fokus utama setiap kali beliau hadir merasmikan majlis atau lawatan kerja seluruh negara adalah untuk rakyat dan bukannya protokol.

Perdana Menteri turut mengingatkan ahli Kabinet dan kementerian pada mesyuarat 6 Januari lalu untuk membelanjakan peruntukan secara berhemat.

"Ini merangkumi perbelanjaan yang digunakan ketika sambutan lawatan kerja dan majlis rasmi bersama saya atau menteri lain.

Kurangkan perbelanjaan

"Berdasarkan pemerhatian saya menerusi lawatan kerja baru-baru ini, masih ada ruang perbelanjaan yang boleh dikurangkan atau dielakkan.

"Fokus utama kita adalah rakyat, bukan protokol," katanya dalam catatan terbaru dalam blognya, NajibRazak.com, semalam.

Dalam perkembangan sama, Najib turut berterima kasih untuk semua persiapan menyambut kehadirannya ke majlis rasmi dan lawatan kerja dalam tempoh beberapa tahun sebelum ini serta faham



Najib Razak,
Perdana Menteri

mengenai protokol yang perlu dipatuhi.

"Alhamdulillah, saya nampak rakyat menerima baik pendekatan supaya masalah mereka mendapat perhatian

dan penyelesaian secepat mungkin.

"Saya juga faham sekiranya ada protokol yang perlu diikuti, tetapi di mana boleh, kita kurangkan persiapan se-

perti karpets merah, hidangan istimewa dan sebagainya.

"Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan," katanya.